

1982

KUALA LUMPUR, 12 SEPT. (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MEMBUAT PERATURAN-PERATURAN TERTENTU UNTUK MEMBENTERAS KEGIATAN PENYELEWENGAN AJARAN AGAMA ISLAM DAN MENGATASI MASALAH PERPECAHAN UMAT ISLAM DI NEGARA INI.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG MENGUMUMKAN PERKARA ITU BERKATA PERATURAN-PERATURAN BERKENAAN TELAH PUN DIKAJI DAN AKAN DILAKSANAKAN TIDAK LAMA LAGI.

BERUCAP MENJAWAB HUJAH-HUJAH YANG DIBANGKITKAN OLEH PARA PERWAKILAN DI AKHIR PERHIMPUNAN AGUNG KE-33 UMNO DI SINI HARI INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN WALAUPUN PERATURAN-PERATURAN YANG AKAN DILAKSANAKAN ITU NANTI BUKAN MERUPAKAN SATU AKTA PARLIMEN, KEKESANANNYA ADALAH SAMA DENGAN APA YANG DIHARAPKAN OLEH PARA PERWAKILAN.

SEMALAM, PERHIMPUNAN TERSEBUT MELULUSKAN SATU USUL MENGGESA KERAJAAN MENGGUBAL SATU AKTA BAGI MEMELIHARA KESUCIAN AGAMA ISLAM DAN BAGI MEMBENTERAS KEGIATAN-KEGIATAN PENYELEWENGAN AJARAN ISLAM.

USUL TERSEBUT DIBENTANGKAN OLEH BAHAGIAN BESUT BERIKUTAN KEJADIAN-KEJADIAN SEPERTI "SEMBANYANG DUA IMAN, BERJEMAAH DI DUA MASJID DALAM SATU KARIAH" DAN SEBAGAINYA, TERUTAMA DI TERENGGANU BARU-BARU INI. -- LAGI 1637/MK

MAHATHIR - AGAMA 2 KUALA LUMPUR

DALAM UCAPANNYA ITU PERDANA MENTERI JUGA MEMPERTAHANKAN PARA PEGAWAI KERAJAAN, LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBILNYA UNTUK MENGKOTAKAN NATIJAH BELIAU BERHUBUNG DENGAN "KEPIMPINAN MENERUSI TAULADAH" DAN DASAR MEMANDANG KE TIMUR.

BELIAU MENEGUR SETENGAH-SETENGAH PARA PERWAKILAN YANG MEMPERSOALKAN KESETIAAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN SECARA MENYELURUH.

KATANYA, CUMA SETENGAH-SETENGAH PEGAWAI KERAJAAN SAHAJA YANG BERSIKAP NEGATIF, BERKECUALI ATAU ANTI-KERAJAAN.

"SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA MEREKA ADALAH SETIA DAN DEDIKASI. KALAU LAH TIDAK KERANA SEKATAN PERATURAN AM, RAMAI DI ANTARA MEREKA YANG INGIN MASUK UMNO," KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TUDUHAN SECARA UMUM TERHADAP PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN ADALAH TIDAK ADIL DAN BOLEH MENJEJASKAN HUBUNGAN BAIK ANTARA MEREKA DENGAN TOKOH-TOKOH POLITIK SEDANGKAN HUBUNGAN DEMIKIAN AMAT PERLU UNTUK MENJAYAKAN SATU-SATU RANCANGAN. -- LAGI 1659/MK

B624

MAHATHIR - AGAMA 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI PEMOTONGAN GAJI PARA MENTERI YANG DIUMUMKANNYA BARU-BARU INI, PERDANA MENTERI MENGAKUI BAHAWA JUMLAH \$1,000 YANG DIPOTONG DARI GAJI BELIAU ITU ADALAH KECIL TETAPI IA DIBUAT SECARA IKHLAS.

'SOAL KECIL BESAR TIDAK SEHARUSNYA DIBANGKITKAN. YANG KITA MAHU TUNJUKKAN IALAH CONTOH. BEGITU JUGA HALNYA DENGAN KEPUTUSAN KITA MENYURUH PARA MENTERI MEMAKAI TANDA NAMA, KALAU KITA MAHU ORANG LAIN BERBUAT DEMIKIAN, KITA MESTI MEMULAKANNYA,' TEGAS BELIAU.

PERDANA MENTERI MENYATAKAN KESALNYA TERHADAP SETENGAH-SETENGAH BELIA MELAYU YANG TERLALU MEMILIH KERJA DAN TIDAK SANGGUP MEMATUHI PERATURAN-PERATURAN DISIPLIN SEMASA BEKERJA.

BELIAU MEMBERI CONTOH TENTANG BEBERAPA ORANG PEKERJA DI SEBUAH RESTORAN USAHASAMA SEBUAH SYARIKAT JEPUN DENGAN FIMA DI SINI YANG LEBIH RELA MENINGGALKAN PEKERJAAN MEREKA DARIPADA MEMOTONG RAMBUT MASING-MASING SEPERTI YANG DIARAHKAN OLEH PIHAK PENGURUSAN RESTORAN ITU. -- LAGI 1705/MK

B625

MAHATHIR - AGAMA 4 KUALA LUMPUR

MENGENAI DASAR MEMANDANG KE TIMUR, BELIAU MENJELASKAN DI SAMPING MENGHANTAR PARA BELIA TEMPATAN UNTUK MENGIKUTI LATIHAN DI JEPUN DAN KOREA, KERAJAAN JUGA MEMPUNYAI RANCANGAN MEMBAWA JURULATIH-JURULATIH DAN TENAGA PENGAJAR DARI KEDUA-DUA NEGARA BERKENAAN UNTUK MENJALANKAN LATIHAN DI NEGARA INI SENDIRI. -- BERNAMA 1707/MK